

**1. PROSES PENGINVESEAN MODEL KERJA BERSAMA POLA LILIN DENTUR**

- 1.1 Disinfeksikan pola lilin dentur selepas peringkat percubaan.
- 1.2 Susunkan gigi yang telah diubah semasa percubaan (jika ada) serta membuat pelilinan pada kawasan yang perlu.
- 1.3 Letakkan klast & rest oklusi pada kedudukan yang betul di model kerja dan pengapkan dengan simen zinc oksida.
- 1.4 (lekatkan hujung tag pada model dengan akrilik swapolimeran untuk pegangan yang stabil jika perlu).
- 1.5 Pengapkan semua pinggir pola lilin dentur dengan lilin.
- 1.6 Keluarkan model kerja dari artikulator.
- 1.7 Sapukan vaselin pada bahagian model kerja serta bahagian dalam kelalang.
- 1.8 Bancuhkan bahan inves (100% kapur paris atau campuran dengan batu tiruan dalam nisbah 50:50 terpulang pada teknik pengelalangan yang telah ditentukan).
- 1.9 Benamkan model kerja ke dalam bancuhan di dalam kelalang yang tinggi dan inves model mengikut teknik yang dipilih.
  - 1.9.1 Teknik bumbung.  
Dimana keseluruhan gigi palsu yang terdapat pada model ditutupi dengan bahan invest dan bahagian yang tinggal hanyalah plat landas sahaja.
  - 1.9.2 Teknik rangkaian  
Dimana sebahagian gigi palsu yang terdapat pada model ditutupi dengan bahan invest dan sebahagiannya lagi dibiarkan saja.
- 1.10 Landaikan bahan inves sebegum terset sepenuhnya dan licinkannya dengan kertas pasir.
- 1.11 Sapukan bahantara pengasing (vaselin) pada permukaan bahan inves yang terset.
- 1.12 Bancuhkan kapur paris dengan batu tiruan dalam nisbah 50:50 dan letakkan sedikit pada permukaan pola lilin dentur yang telah diinvestkan dan isikan bancuhan ke kelalang bersebelahan sampai penuh.
- 1.13 Satukan Kedua-dua belah kelalang dan tekan di bawah penekan meja.
- 1.14 Biarkan bancuhan terset

## **2. PENYAHLILINAN**

- 2.1 Keluarkan kelalang berkenaan dan rendamkan dalam air panas selama 5 - 10 minit (indikasi: terlihat minyak lilin terkeluar dari celah-celah kelalang).
- 2.2 Buka kedua-dua kelalang dengan perlahan-lahan.
- 2.3 Bersihkan lilin dengan pancutan air panas kepada semua permukaan bahan inves (acuan).
- 2.4 Sapukan kedua-dua belah acuan dengan bahantara pengasing. (biarkan bahantara pengasing kering).

## **3. PENGISIAN AKRILIK**

- 3.1 Bancuhkan polimer dengan monomer mengikut nisbah yang ditetapkan oleh pengilang. Masukkan polimer ke dalam monomer sedikit demi sedikit sehingga ianya menjadi tepu.
- 3.2 Gaulkan / kacaukan bancuhan hingga granul-granul polimer sebatu dengan monomer.
- 3.3 Tutupkan mangkok pijar sehingga adunan mencapai doh.
- 3.4 Padatkan adunan akrilik ke dalam acuan dengan plastik selofen. (pemadatan percubaan hanya sesuai untuk teknik membumbung).
- 3.5 Cantumkan/satukan kedua-dua kelalang perlahan-lahan di bawah penekan meja sehingga rapat.
- 3.6 Ubahkan kelalang tersebut ke pengapit 'spring' untuk proses pemolimeran.

## **4. PENYAH KELALANGAN**

- 4.1 Pastikan kelalang disejukkan sebelum dipenyahkelalangan. Penyahkelalang dilakukan ketika masih panas boleh menyebabkan berlaku keledingan pada akrilik.
- 4.2 Keluarkan bahan inves dalam bentuk bongkah dengan cara mengetuk bahagian tepi kelalang dengan penukul kayu. Bongkah yang telah dikeluarkan dipotong dengan pemotong pincer atau digegajikan sehingga kecil tanpa merosakan permukaan dentur.
- 4.3 Semasa penyahkelalangan elakan model dari dipecahkan supaya laluan masuk dan kepadanan dentur dapat diuji semasa kerja-kerja pemangkasan dan pembedahan gigitan terangkat (jika perlu).

Nama Dokumen: Arahan Kerja Pembuatan Dentur Sebahagian

No. Dokumen: AK/PP/14

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuatkuasa: 16/10/2009

- 4.4 Semasa mengasingkan akrilik dengan model kerja, sisipkan pisau lilin kedalam alur-alur dan diuambil sedikit demi sedikit untuk mengelakkan akrilik terfraktur. Beri perhatian pada bahagian klast agar tidak mengherotkan kedudukannya.
- 4.5 Untuk memudahkan kerja-kerja penyingkiran bahan inves pada permukaan padanan dentur, rendamkan dentur tersebut ke dalam air sabun sehingga bahan inves menjadi lembut dan mudah ditanggalkan.

## **5. PEMANGKASAN DENTUR AKRILIK**

- 5.1 Bahagian akrilik yang kasar/tajam atau tebal perlu dipangkas, diratakan dan dilicinkan dengan kertas pasir yang halus.
- 5.2 Semua periferi akrilik dentur perlu dibulatkan dengan sempurna supaya tidak mengiritasi tisu mulut.
- 5.3 'Collet' dipangkas dengan teliti supaya ia rapat pada gigi-gigi asli untuk mengelakkan makanan terimpak dan terkumpul. Ia juga dapat memberi kestabilan/pegangan pada dentur di mulut pesakit. ('Collet' hendaklah berada 1/3 tengah gigi-gigi asli di anterior dan ianya hendak berada di atas paras garis ukur (underkut) di posterior).
- 5.4 Bahagian padanan di plat landas yang menekan pinggir gingiva (jika tidak melakukan sekatbuangan ) perlu dipangkas sedikit supaya tidak mencederakkan pinggir gingiva.
- 5.5 Sempadan posterior dentur maksila mestilah dilandaikan manakala periferi flanj lingual mestilah mencuram dan licin tanpa mengganggu lidah.
- 5.6 Frenum labial, lingual serta otot-otot bukal hendaklah dilegakan secukupnya.
- 5.7 Elakkan memangkas permukaan padanan dentur supaya kepadanannya terpelihara.
- 5.8 Ketebalan plat landas hendaklah setebal 1-2mm.

Disediakan oleh: En.Nor Azri Abd.Rahim; t/t:

Disemak oleh 1: En.Mohan a/l M.Bala; t/t:

Disemak oleh 2: Dr.Ahmad Termizi Zamzuri; t/t:

Diluluskan oleh: Dr.Hasenah Mod Zaki, Pengarah; t/t: